

Guna dana KWAN lebih baik berbanding pinjaman

Langkah efektif tampung perbelanjaan tangani COVID-19

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Langkah kerajaan menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) untuk menangani COVID-19 adalah selari dengan beberapa negara utama lain seperti Singapura, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Norway dan Russia.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kaedah itu lebih baik dengan kos lebih efektif secara kewangannya berbanding membuat pinjaman atau hutang baharu.

“Malaysia ada dua pilihan iaitu membuat hutang baharu untuk menampung perbelanjaan menangani COVID-19 atau menggunakan simpanan yang ada. Apa yang penting adalah kos mana lebih efektif secara kewangannya.

“Jika ditambahkan lagi hutang negara, kadar faedah turut meningkat, kesan penurunan penarafan oleh Fitch Ratings Disember lalu 2020 yang mana ini lebih membebankan kerajaan kadar pembayaran lebih tinggi.

“Selain itu, defisit pinjaman kerajaan juga akan terus meningkat daripada 57.8 peratus sekarang kepada melebihi 60 pe-

ratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK),” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah penggunaan dana KWAN bagi menangani COVID-19 yang mencetuskan perdebatan sejak beberapa hari lalu.

Mengulas lanjut, Aimi Zulhazmi berkata, tidak dinafikan ada negara mempunyai simpanan rizab tinggi, tetapi memilih membuat pinjaman kerajaan kadar pinjamannya cukup rendah, contohnya seperti Qatar dan Kuwait dengan kadar peratusan pinjamannya kepada KDNK tidak setinggi seperti Malaysia.

“Malaysia bukan berada pada situasi kewangan seperti Qatar dan Kuwait. Jadi lebih strategik untuk kita mengimbangi beban kewangan daripada terus menambahkan pinjaman berbanding menggunakan rizab yang

ada,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata tidak ada salahnya kerajaan menggunakan dana KWAN kerana antara matlamat penubuhan tabung wang itu ialah membantu kerajaan dalam keadaan sukar.

“Saya tidak bersetuju kerajaan menambah hutang kerajaan pada masa ini, komitmen hutang tahunan negara kita hampir mencapai 15 peratus daripada hasil tahunan. Jika kerajaan berterusan mengambil hutang, makin sedikit peruntukan yang datang daripada hasil negara akan turun ke tangan rakyat.

“Sewajarnya kerajaan menggunakan wang KWAN berjumlah RM5 bilion dengan sebaiknya dan memastikan tiada ketirisan

serta pembaziran.

“Mungkin selepas tabung ini akan ditambah lagi hasil sumbangan syarikat milik kerajaan melalui dividen khas atas prestasi kewangan pada tahun hadapan,” katanya.

Pada 21 April lalu, kerajaan meluluskan undang-undang mewartakan Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 (KWAN) yang membolehkan kerajaan menggunakan dana kumpulan wang itu untuk perolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan program imunisasi kebangsaan.

Mengikut Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, dana dibayar melalui Kumpulan Wang Disatukan dan PETRONAS.

Menurut seksyen 5(c) akta itu, sumbangan boleh dibuat mana-mana negeri di Malaysia yang mendapat royalti daripada petroleum dan sumber alam lain

“Jika ditambahkan lagi hutang negara, kadar faedah turut meningkat, kesan daripada penurunan penarafan oleh Fitch Ratings Disember lalu 2020 yang mana ini lebih membebankan kerajaan kadar pembayarannya lebih tinggi.”

**Aimi Zulhazmi
Abdul Rashid,**
Penganalisis
Ekonomi Universiti
Kuala Lumpur
(UniKL) Business
School



yang akan habis.

Ordinan Darurat yang diwarta itu menambah subseksyen baharu ke dalam Seksyen 6 akta itu dengan membenarkan pemerolehan vaksin dan apa-apa perbelanjaan dilakukan berhubung vaksin bagi suatu wabak apa-apa penyakit berjangkit seperti di nyatakan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Pewartaan itu bagaimanapun mendapat reaksi beberapa pemimpin politik termasuk Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan dan bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Beberapa hari lalu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menjelaskan, kerajaan komited menambah semula dana KWAN apabila krisis disebabkan COVID-19 berakhir dan kewangan kerajaan kembali kukuh.

Beliau berkata, penggunaan dana KWAN dalam bentuk geran juga penting memastikan defisit fiskal kekal di bawah sasaran 6.0 peratus pada akhir 2021.



Langkah menggunakan dana KWAN tangani COVID-19 elak kerajaan berhutang.

(Foto hiasan)